



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## **TEKS UCAPAN**

**YANG BERHORMAT DATO' SRI ROHANI BINTI ABDUL KARIM  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**SEMASA**

**MAJLIS LAWATAN DAN PERASMIAN ANJUNG SINGGAH JOHOR  
BAHRU**

**ANJUNG SINGGAH, JOHOR BAHRU**

**3 MAC 2017**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

**(Salutasi – disediakan)**

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan rasa syukur kepada Allah s.w.t kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama berkumpul menjayakan Majlis Lawatan dan Perasmian Anjung Singgah Johor Bahru sempena Program Siri Roadshow Zon Selatan 2017.

**LATAR BELAKANG**

2. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menubuhkan lima (5) buah Anjung Singgah iaitu di Kuala Lumpur, Johor, Pulau Pinang, Sarawak dan Perak. Anjung Singgah, Johor Bahru ini adalah yang ketiga ditubuhkan selepas Anjung Singgah Kuala Lumpur dan Sarawak dan ia mula beroperasi pada 9 Jun 2013. Semenjak awal penubuhannya pada 9 April 2011 di Kuala Lumpur, Anjung Singgah yang ditadbir oleh Yayasan Kebajikan Negara (YKN) telah berperanan membantu golongan gelandangan bagi mempersiapkan sediakan mereka menempuhi cabaran hidup agar tidak terpinggir daripada arus pembangunan negara.

## **KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN ANJUNG SINGGAH**

*Hadirin sekalian,*

3. Anjung Singgah adalah merupakan salah satu inisiatif di bawah intipati “Janji Ditepati, Rakyat Didahulukan” yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan semenjak tahun 2009 bagi menyediakan perkhidmatan sosial yang holistik dalam menangani isu dan masalah golongan gelandangan. Penghuni Anjung Singgah akan diberi tempat penginapan sementara, makan minum dan akan melalui proses intervensi bagi mengenal pasti permasalahan mereka.
4. Dalam proses ini, pelbagai perkhidmatan sosial akan diberi mengikut keperluan mereka seperti mendapatkan peluang pekerjaan melalui *job matching*, penginapan yang sesuai, kaunseling, merujuk kepada agensi berkaitan atau kembali ke pangkuan keluarga.

## **PROSES INTERVENSI ANJUNG SINGGAH**

5. Gelandangan merupakan golongan *at risk* yang diberi perhatian di bawah projek kemasyarakatan Program Transformasi Kerajaan. Penekanan adalah lebih kepada gelandangan yang ingin berubah. Kaunseling lebih diutamakan dalam proses intervensi agar dapat membantu mereka berubah dan tidak menjadi gelandangan tegar. Sejumlah 1,852 sesi kaunseling telah berjaya dijalankan di 5 buah Anjung Singgah sama ada secara kelompok, keluarga atau

individu. Seramai 3,752 orang gelandangan telah berjaya dalam kehidupan hasil daripada sesi kaunseling tersebut.

## **STATISTIK ANJUNG SINGGAH**

6. Dengan penubuhan 5 buah Anjung Singgah yang telah beroperasi sebelum ini, sehingga kini seramai 33,652 orang gelandangan telah mendapat manfaat dari perkhidmatan Anjung Singgah YKN dan 1,569 daripadanya adalah di Anjung Singgah Johor Bahru dengan jumlah 1,109 lelaki dan 460 perempuan.

## **PRINSIP STRATEGI LAUTAN BIRU (NBOS)**

*Hadirin sekalian,*

7. Perkhidmatan yang diberi oleh Anjung Singgah adalah menepati keperluan Amalan Prinsip Strategi Lautan Biru (NBOS) iaitu memupuk kreativiti dan inovasi dalam perkhidmatan awam. Konsep Anjung Singgah yang digunakan ialah meluaskan perkhidmatan secara kerjasama dengan agensi Kerajaan dan sektor swasta.
8. Antara agensi yang terlibat adalah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Jabatan Kesihatan, Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Bulan Sabit Malaysia (BSSM),

Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Jabatan Pendaftaran Negara.

## **RANGKAIAN KERJASAMA NGO DAN SUMBANGAN CSR**

*Hadirin sekalian,*

9. Kerajaan amat menghargai jasa NGO-NGO serta syarikat-syarikat koporat yang telah bekerjasama dengan Anjung Singgah melalui pemberian pelbagai bentuk perkhidmatan dan bantuan. Sebagai contoh, Kenchara Soup Kitchen telah memberi sumbangan makanan kepada penghuni Anjung Singgah pada setiap minggu. Di samping itu juga, Syarikat Johor Port melalui program Tanggungjawab Sosial (CSR) telah memberi sumbangan dari segi barangan keperluan kepada penghuni Anjung Singgah.
10. Sebenarnya perkhidmatan yang diberikan oleh NGO-NGO dan syarikat-syarikat koporat ini adalah selari dengan apa yang dihasratkan oleh Kerajaan dalam wadah mengutamakan kesejahteraan rakyat dan menuju ke arah Bandaraya Sifar Gelandangan.
11. Saya berharap agar lebih banyak syarikat korporat dan NGO yang berminat untuk mendekati dan memahami fungsi Anjung Singgah dan keperluannya. Dalam hal ini, sebagai sebuah badan kebajikan, KPWKM amat mengalu-alukan sumbangan daripada sektor korporat melalui program CSR mereka dan juga NGO-

NGO serta individu dalam usaha memberikan perkhidmatan sosial yang terbaik untuk rakyat.

12. Usaha YKN, sebuah agensi di bawah KPWKM untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik seperti gelandangan hanya akan berjaya dan memberi pulangan sosial yang tinggi apabila ianya disokong oleh semua pihak sama ada kerajaan, pihak swasta, badan korporat mahupun NGO serta orang-orang perseorangan dan komuniti tempatan.

## **PENUTUP**

13. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada agensi-agensi serta syarikat korporat yang telah berjasa kepada Anjung Singgah YKN. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada YKN di atas penganjuran majlis pada hari ini. Dengan ucapan Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Anjung Singgah Johor Bahru.